Ulang Tahun Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Rama X

4 Mei menandakan ulang tahun pertabalan Kebawah Duli Yang Mulia Raja Maha Vajiralongkorn Phra Vajiraklaochaoyuhua, pemerintah ke-10 monarki Dinasti Chakri.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Maha Vajiralongkorn Phra Vajiraklaochaoyuhua adalah satu-satunya putra, anak kedua dari empat bersaudara, Kebawah Duli Yang Mulia Raja Bhumibol Adulyadej dan Kebawah Duli Yang Mulia Ratu Sirikit. Baginda menaiki takhta sebagai Raja Rama X, menggantikan ayahandanya, yang meninggal pada 13 Oktober 2016.

Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Rama X dilaksanakan pada 4-6 Mei 2019, manakala acara terpenting dalam upacara tiga hari itu diadakan pada 4 Mei. Oleh itu, 4 Mei ditetapkan sebagai Hari Pertabalan dan cuti umum.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Rama X menyampaikan Perintah Diraja Pertama pada 4 Mei 2019: Kami akan mempertahankan, memelihara, dan meneruskan dan akan memerintah dengan kebenaran demi kebaikan dan kebahagiaan rakyat selamanya. Dalam kesempatan ini, baginda bertitah memberi semangat kepada semua yang hadir dalam perhimpunan agung tersebut, serta semua rakyat Thailand, untuk menyokong pemerintahan baginda dan bersama-sama melaksanakan tugas mereka dengan menegakkan kepentingan, kemajuan, dan kestabilan nasional, serta mencapai kebahagiaan rakyat sebagai matlamat utama.

Sebelum upacara pertabalan raja, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menyampaikan perintah diraja pada 1 Mei 2019, menjadikan Jenderal Suthida Vajiralongkorn Na Ayudhya, permaisuri kerajaan, sebagai Ratu Suthida, yang kemudian dinobatkan sebagai Yang Maha Mulia Ratu Suthida Bajrasudhabimalalakshana.

Oleh kerana kerajaan melaksanakan langkah-langkah efektif mengendalikan situasi COVID-19 yang sedang berlangsung, upacara kerajaan dan kegiatan lain bagi merayakan ulang tahun pertabalan kerajaan tidak akan diadakan tahun ini. Perniagaan dan organisasi boleh memaparkan potret Seri Paduka Baginda Raja, bersama dengan persembahan bunga dan buku ucapan, di permis-permis mereka untuk memperingati upacara ini.

1 Mei 2020, Setiausaha Jeneral Perdana Menteri, Disthat Hotrakit mempengerusikan sebuah majlis bagi meraikan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada Hari Pertabalan baginda, 4 Mei. Majlis berlangsung di Bangunan Santi Maitri, Rumah Kerajaan, dengan dihadiri pegawai-pegawai kanan.

Perdana Menteri, Presiden Majlis Nasional, dan Presiden Mahkamah Agung juga menyampaikan ucapan tahniah mewakili Kabinet, pegawai pemerintah, dan masyarakat umum, badan perundangan, dan badan kehakiman, masing-masing. Ucapan tersebut dirakam terlebih dahulu dan disiarkan di semua saluran televisyen pada hari Isnin, 4 Mei, semasa penyampaian berita mahkamah.